

# Nama calon sudah dipersembahkan kepada Seri Paduka

Pelantikan akan diumumkan beberapa hari lagi

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Nama calon Yang di-Pertua Negeri Sarawak baharu sudah dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, nama calon itu dikemukakan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg kepada beliau dan akan diumumkan beberapa hari lagi.

"Proses lantikan Yang di-Pertua Negeri adalah budi bicara Yang di-Pertuan Agong dan akan diumumkan dalam satu dua hari lagi," katanya kepada media ketika ditemui selepas Wacana Pemikir Global 2024 di Universiti Malaya (UM), di sini semalam.

Yang di-Pertua Negeri Sarawak ialah ketua dan pemerintah bagi wilayah Sarawak, dilantik oleh

Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat daripada Premier Sarawak selama empat tahun dan boleh diperbaharui.

Yang di-Pertua Negeri pertama ialah Tun Abang Openg Abang Sapiee yang menyandang jawatan itu mulai 16 September 1963 hingga 28 Mac 1969, diikuti Tun Tuanku Bujang Tuanku Othman (2 April 1969-2 April 1977).

Ketiga, Tun Abang Muhammad Salahuddin yang dilantik pada 2 April 1977 dan menjadi Yang

di-Pertua Negeri Sarawak sehingga 2 April 1981, manakala keempat ialah Tun Abdul Rahman Ya'akub (2 April 1981-2 April 1985).

Yang di-Pertua Negeri kelima, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor (2 April 1985-5 Disember 2000), diikuti Tun Abang Muhammad Salahuddin (22 Februari 2001-28 Februari 2014) dan seterusnya, Tun Abdul Taib Mahmud, 87.

Lantikan pertama Abdul Taib adalah pada 1 Mac 2014 hingga 28 Februari 2018, manakala lantikan kedua pada 1 Mac 2018 hingga 28 Februari 2022 sebelum khidmat beliau disambung lagi selama dua tahun, mengikut Perkara 1

Perlembagaan Negeri Sarawak.

Jumaat lalu, portal *The Malaysian Insight* melaporkan bekas Ahli Parlimen Batang Lupar, Tan Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, 78, meletak jawatan Speaker Dewan Negara kerana dikatakan bakal menyandang jawatan Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Enggan ulas secara terbuka Beliau yang juga bekas Ahli Parlimen Santubong dan pernah menganggotai Jemaah Menteri

dalam Kabinet Persekutuan, bagaimanapun berdiam diri selepas laporan mengenainya tular di media sosial.

Abang Johari pula, ketika ditanya pemberita pada Sabtu lalu, sekadar memaklumkan pelantikan Yang di-Pertua Negeri adalah kuasa mutlak Yang di-Pertuan Agong dan beliau tidak boleh mengulas secara terbuka.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri turut memaklumkan, lantikan Yang Dipertua Dewan Negara yang baharu, jika perlu, akan dilaksanakan segera dengan pemilihan calon akan dibincangkan pada mesyuarat Kerajaan Perpaduan.



Wan Junaidi